

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**

TARIKH : -

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI**

HIJAU DAN AIR menyatakan:-

- (a) sejauh manakah peranan Kementerian dalam memperkasakan dasar "Go Green" di seluruh Malaysia; dan
- (b) apakah Kementerian merancang untuk mengharamkan penggunaan beg plastik dan bekas polisterin di setiap pusat membeli belah dan hanya akan membenarkan penggunaan bekas makanan dan beg barangan jenis biodegradasi sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

a) Peranan Kementerian dalam memperkasakan dasar *Go Green*, dengan izin, di seluruh Malaysia adalah melalui penggubalan dasar, strategi, program dan projek seperti berikut:

- i. menggubal Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) pada 24 Julai 2009 untuk menjadikan bidang Teknologi Hijau sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan yang mampan;
- ii. mewujudkan *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC) pada tahun 2010 sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri hijau, dan penubuhan Yayasan Hijau (YaHijau) pada 2014 bagi menerajui pelaksanaan program kesedaran awam dan promosi aplikasi Teknologi Hijau di peringkat akar umbi;
- iii. menubuhkan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 2010 bagi melonjak usaha-usaha berkaitan teknologi hijau dan perubahan iklim di peringkat nasional serta memantau keberkesanan mekanisme DTHN;
- iv. memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) pada tahun 2010 bagi menggalakkan pertumbuhan industri Teknologi Hijau.

Sebanyak RM3.5 billion telah diperuntukkan sebagai pinjaman mudah kepada para pengeluar serta pengguna Teknologi Hijau di seluruh Negara melalui skim ini;

- v. melaksanakan Program MyHIJAU bagi mempertingkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan hijau di Malaysia dan melaksanakan Pelabelan Hijau, Direktori Hijau serta Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) di semua Kementerian dan agensi Kerajaan di bawah program MyHijau ini dengan sasaran sebanyak 20 peratus daripada Perolehan Kerajaan adalah menggunakan GGP menjelang tahun 2020;
- vi. menganjurkan *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia* (IGEM) sebagai platform bagi sektor awam dan swasta untuk mempromosi dan meninjau potensi pengkomersilan hasil penyelidikan dan inovasi tempatan berasaskan Teknologi Hijau di peringkat antarabangsa;
- vii. meluaskan pelaksanaan dan adaptasi Perbandaran Rendah Karbon di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui *Low Carbon Cities Framework and Assessment System* (LCCF). Pendekatan ini membolehkan pihak PBT menilai kadar pembebasan karbon dan merangka pelan pembangunan perbandaran berasaskan inisiatif-inisiatif hijau, selaras komitmen negara dalam mengurangkan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) kepada 45% pengurangan pada tahun 2030; dan

- viii. Kementerian terlibat secara langsung untuk melaksanakan strategi Pertumbuhan Hijau di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) sebagai model pertumbuhan baru yang strategik bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan.

Tuan Yang Dipertua,

b) Tanggungjawab bagi mengharamkan penggunaan beg plastik dan bekas polisterin di setiap pusat membeli belah dan penggunaan bekas makanan serta beg barangan jenis biodegradasi bukanlah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian ini. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah lebih terlibat secara langsung dalam isu penggunaan beg plastik, manakala Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPfKT) pula adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan sisa pepejal plastik dan polisterin.

Namun begitu, bagi menggalakkan penggunaan bekas makanan biodegradasi di kafeteria sekitar Putrajaya, Kementerian telah bekerjasama dengan Bahagian Perumahan dan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri selaku pihak yang mengendalikan pelantikan kontraktor bagi kafeteria di bangunan Kerajaan di sekitar Putrajaya. Melalui kerjasama tersebut, beberapa syarat baru telah senaraikan dalam tender kafeteria di Putrajaya, di mana pihak kontraktor dikehendaki menggunakan bekas pembungkusan jenis biodegradasi bagi

menggantikan bekas polistiren; dan memastikan peralatan pencucian yang digunakan adalah pencucian detergen eko-label.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS**
[TELOK KEMANG]
SOALAN : **481**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) rancangan Kementerian dalam meningkatkan budaya sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat Malaysia; dan
- (b) setakat mana penyertaan golongan muda dalam bidang ini yang boleh dijadikan indikator terhadap persiapan negara menuju tahun 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melaksanakan pelbagai program secara berterusan untuk memasyarakatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan komuniti selaras dengan Teras Strategik 5 Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) iaitu menggalak dan memupuk kesedaran STI.

Antara program pembudayaan STI yang dilaksanakan oleh MOSTI adalah:

- (i) **Program MOSTI *Social Innovation (MSI)*** merupakan program untuk membantu memenuhi keperluan masyarakat setempat bagi meningkatkan kesejahteraan hidup. Program MSI diterajui oleh agensi MOSTI dengan kolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan yang lain, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau komuniti penduduk setempat dengan menggunakan teknologi sedia ada yang telah dikenal pasti dan berupaya dilaksanakan secara mampan;
- (ii) **Program *Creativity and Science4u*** yang dilaksanakan sejak tahun 2012 untuk memasyarakat, membudaya dan memberi kesedaran kepentingan STI kepada rakyat. Program berkonsepkan karnival ini diisi dengan pameran, pertandingan inovasi, kuiz, bengkel, ceramah, forum dan aktiviti interaktif berkaitan STI;
- (iii) **Program *Innospace*** telah dilaksanakan sejak tahun 2011 di Pusat-pusat *Innospace* di Melaka, Sabah dan Sarawak di bawah kendalian SIRIM Berhad. Program ini berkonsepkan *hands-on training* berdasarkan modul yang disediakan bagi menyediakan platform kepada para pereka cipta di kalangan akar umbi;
- (iv) **Program *Jejak Inovasi dan Kids Invent*** merupakan antara program kesedaran inovasi di kalangan masyarakat peringkat akar umbi yang dilaksanakan oleh MOSTI melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Sepanjang tahun 2011 sehingga 2014, YIM telah pun menjejaki lebih dari 645,500 orang dari masyarakat akar umbi seluruh Malaysia dan mengenal pasti

54 produk inovasi untuk dinaik taraf serta 12 produk untuk dikomersialkan pada tahun 2015 sehingga 2016; dan

- (v) **Program-program kesedaran dan penggalakan STI** anjuran Pusat Sains Negara seperti Perkampungan Sains, Perkhemahan Sains, Singgah Sains, Inovasi Pendidikan, *Science Kids*, *Monsoon Science Camp*, *Techno Camp*, Kelana Sains dan *Special Science Day* yang dilaksanakan sepanjang tahun bagi meningkatkan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan masyarakat luar bandar seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyertaan golongan muda dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) yang boleh dijadikan salah satu indikator terhadap persiapan negara menuju tahun 2020 adalah melalui:

- (i) **Penganugerahan Anugerah Inovasi Negara (AIN).** Kementerian mengiktiraf minda-minda cemerlang golongan muda dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C) melalui pemberian anugerah ini. Penyampaian Anugerah Inovasi Negara (AIN) juga turut dibuat bagi memberikan pengiktirafan kepada pereka cipta yang berinovasi menghasilkan produk, perkhidmatan, produk akar umbi dan inovasi di peringkat sekolah.

Sebagai contoh, penyertaan pereka cipta dalam AIN meningkat daripada 430 penyertaan pada tahun 2014 kepada 709 penyertaan pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 65%. Peningkatan ini menunjukkan keupayaan rakyat

Malaysia dalam membudayakan inovasi kian menggalakkan. Selain daripada AIN, MOSTI turut menyampaikan Anugerah Saintis Muda Negara serta Anugerah Juruteknologi Negara bagi mengiktiraf sumbangan dan pencapaian golongan muda dalam memajukan penyelidikan sains, teknologi dan inovasi (STI);

- (ii) **Penganjuran *National Innovation Conference And Exhibition (NICE)*** bagi mengetengahkan persidangan dan pameran inovasi hasil ciptaan inovasi tempatan. Persidangan ini terbuka kepada semua peringkat sebagai usaha MOSTI bagi menerapkan budaya dan amalan inovasi di kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan muda.

Komponen NICE merangkumi program-program seperti berikut:

- (a) Persidangan/Bengkel Inovasi dan Pengkomersialan;
 - (b) Pameran produk peserta akhir Pertandingan Anugerah Inovasi Negara 2015;
 - (c) Pameran dan penjualan Produk R&D MOSTI yang telah sedia untuk dikomersialkan;
 - (d) Padanan Perniagaan (*Business Matching*); dan
 - (e) *Awards Night*;
- (iii) **Peningkatan sambutan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti kesedaran dan penggalakan STI** anjuran Pusat Sains Negara. Lebih daripada 80% program yang dilaksanakan oleh Pusat Sains Negara memfokuskan kepada golongan muda daripada pra-sekolah hinggalah universiti. Kumpulan sasar

inilah yang akan memacu pertumbuhan negara pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
DARIPADA [TELOK KEMANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) rancangan Kementerian dalam memperbanyakkan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz bagi melahirkan modal insan yang holistik serta profesional; dan
- (b) ruang bagi pelajar Sains Tahfiz ini untuk meneruskan pengajian di peringkat pendidikan tinggi dengan kursus-kursus yang menggabungkan disiplin profesional dan agama ataupun hafazan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengiktiraf Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan. Pengiktirafan ini adalah bertujuan untuk melahirkan modal insan yang holistik serta profesional. Bermula tahun 2014, KPM telah melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di SMKA dan SBP. Pada tahun ini jumlah sekolah yang melaksanakan TMUA adalah sebanyak 11 buah sekolah. Pada tahun 2017, sekolah yang akan melaksanakan TMUA seluruh negara adalah sebanyak 15 buah sekolah. Selain TMUA, SABK yang telah melaksanakan KBT pada tahun 2015 adalah sebanyak 12 sekolah. Manakala pada tahun 2016, jumlah SABK yang melaksanakan KBT adalah

sebanyak 16 buah.

- b) Di peringkat pendidikan tinggi, Universiti Awam yang telah membuka peluang untuk murid-murid tahfiz melanjutkan pengajian mereka di bidang profesional seperti Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Multimedia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

SOALAN : 483

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam memastikan keberkesanan sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam menangani masalah kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Mata Demerit atau KEJARA telah dilaksanakan mulai tahun 1997 di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Mata Demerit) 1997. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 telah dipinda bagi membolehkan sistem ini dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan efisien. Sebelum pindaan Akta dibuat, pesalah-pesalah diberi mata demerit sebaik sahaja pesalah tersebut membayar penalti. Manakala selepas pindaan Akta tersebut, mata demerit diabaikan apabila pesalah menyelesaikan penalti dalam tempoh tiga bulan dari tarikh saman dikeluarkan.

Susulan pindaan tersebut, beberapa pihak termasuk ahli akademik telah memberikan pandangan bahawa sistem baharu pemberian mata demerit adalah tidak adil. Mereka berpandangan bahawa mata demerit hendaklah diberikan kepada mana-mana pesalah tanpa mengambilkira tempoh pembayaran. Berdasarkan kepada pandangan ini, pihak Kementerian telah memutuskan supaya pelaksanaan

sistem mata demerit ditangguhkan buat sementara waktu untuk dikaji semula. Kajian ini dijalankan oleh JPJ dan MIROS bersama-sama dengan beberapa agensi berkaitan. Kajian tersebut telah selesai sepenuhnya pada penghujung tahun 2015.

Pihak Kementerian telah meneliti dapatan hasil kajian tersebut dan akan melaksanakan semula penguatkuasaan Sistem Mata Demerit dalam masa terdekat. Bagi melaksanakan semula penguatkuasaan Sistem Mata Demerit tersebut, Kementerian Pengangkutan akan membentangkan Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016 pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas (2016).